



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

TEKS UCAPAN

YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

SEMPENA

MAJLIS PERUNDINGAN BELIA NEGARA
PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN

4 OGOS 2024

THE PEARL KUALA LUMPUR HOTEL
KUALA LUMPUR

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ

الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ

الْعَالَمِينَ،

وَالصَّلَاةِ

وَالسَّلَامِ عَلَى

سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

أَشْرَفِ

المرسلين و
وعلى آله
وصحبه أجمعين

Yang Berusaha

Encik Mohd Nizam Ismail

Pengarah Jabatan Belia dan Sukan

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Yang Berusaha

Saudara Khairul Rizam Dato' Abu Samah

Presiden

Majlis Belia Wilayah Persekutuan

Wakil-wakil Kerajaan

(Dato' Indera Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, Datuk Bandar, Presiden Perbadanan Putrajaya, Pengarah-Pengarah Agensi)

Barisan Kepimpinan Majlis Belia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Wakil-wakil Badan Gabungan

Barisan Pemerhati

Rakan-rakan Media dan para hadirin sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berhimpun pada hari ini dalam Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) Peringkat Wilayah Persekutuan.

2. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada barisan kepimpinan Majlis Belia Wilayah Persekutuan dan Jabatan Belia dan

Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atas usaha untuk merealisasikan majlis ini.

3. Pimpinan yang ada di hadapan saya ini adalah bukti semangat dan dedikasi yang tidak berbelah bahagi dalam memperjuangkan kepentingan belia di Wilayah Persekutuan.

4. Saya berhasrat agar Wilayah Persekutuan ini dijadikan tempat untuk melatih dan membentuk pemimpin-pemimpin muda yang pada satu hari nanti akan memimpin Malaysia.

5. Kehadiran saya pada hari ini juga adalah bukti komitmen Jabatan Wilayah Persekutuan untuk memastikan suara belia sentiasa di dengari dan diambil kira dalam setiap langkah pembangunan fizikal dan non-fizikal. Saya juga ingin menzahirkan ucapan penghargaan kepada semua yang hadir pada hari ini atas komitmen yang telah anak-anak semua tunjukkan.

6. Belum terlambat rasanya untuk saya ucapkan jutaan tahniah kepada kepimpinan baharu Majlis Belia Wilayah Persekutuan di bawah pimpinan Saudara Khairul Rizam atas

kejayaan kalian semua dalam pemilihan yang telah dilaksanakan. Insya-Allah sinergi di antara Majlis Belia Wilayah Persekutuan dan Jabatan Wilayah Persekutuan ini kita akan perkukuhkan sebaiknya.

FLEKSIBILITI DALAM PELAKSANAAN DASAR NEGARA

Para hadirin sekalian,

7. Kerajaan sentiasa berusaha dalam merangka dasar dan pelan pembangunan yang holistik demi mencapai matlamat kesejahteraan ekonomi serta sosial rakyat.
8. Namun usaha ini tidak akan boleh kita laksanakan dengan komprehensif tanpa penglibatan semua pihak, termasuk segmen belia yang menyumbang hampir kira-kira 40% daripada keseluruhan 34.7 juta populasi penduduk di Malaysia.
9. Penyertaan belia dalam proses pembangunan negara dan pembuatan keputusan adalah penting agar dasar yang disediakan oleh pihak Kerajaan

tidak berfokus kepada polisi '*one size fits all*', tetapi perlu menyentuh dan tepat kepada sasaran.

10. Kerana itu, sewaktu saya meluncurkan Sidang Belia Wilayah Persekutuan pada Mei baru-baru ini, saya tekankan bahawa perlu ada fleksibiliti dalam kita menentukan pendekatan yang ingin

kita laksanakan, khususnya di Wilayah Persekutuan dengan pendekatan yang lebih terperinci, responsif dan berpusat kepada keperluan individu serta kumpulan masyarakat.

11. Di Wilayah Persekutuan, seperti yang saya maklumkan sebentar tadi, platform khusus untuk belia, baik yang berpersatuan mahupun tidak berpersatuan, yang diberi nama Sidang Belia Wilayah Persekutuan

telah bersidang buat julung kalinya pada 13 hingga 15 Julai baru-baru ini, dan akan bersidang buat kali kedua, insya-Allah pada Oktober ini. Saya difahamkan ada beberapa orang pimpinan Majlis Belia Wilayah Persekutuan dan badan-badan gabungan turut terpilih menjadi ahli SBWP.

12. Pada persidangan baru-baru ini, saya sendiri telah menggulung dan meneliti satu persatu usul dan perbahasan yang dibangkitkan. Daripada 15 usul yang dibangkitkan, 12 usul telah diterima antaranya terkait isu

perumahan belia, pengangguran belia, kesihatan digital dan banyak lagi. Kualiti perbincangan mereka yang terlibat amat baik sekali dan boleh diberikan pujian. Kesemua usul ini akan diperincikan satu persatu dan akan dibawa ke perhatian Jemaah Menteri.

13. Saya percaya bahawa penglibatan belia adalah amat penting dan signifikan kerana anda semua adalah *'the next echelon of our country'*. Atas dasar itu, menjadi tanggungjawab kerajaan untuk membimbing dan

memberi sokongan agar potensi tersebut dapat dicapai.

CABARAN DALAM KALANGAN BELIA

Para hadirin sekalian,

14. Walaubagaimanapun, kita tidak boleh nafikan bahawa belia kita juga berdepan dengan pelbagai cabaran yang perlu diberi perhatian serius. Isu pengangguran, masalah kesihatan mental dan kitaran kemiskinan masih

membelenggu sebahagian besar dari populasi belia di Malaysia.

15. Agak membimbangkan apabila data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada 2024 menunjukkan kadar pengangguran belia dicatatkan pada kadar kira-kira 6% atau *to be exact* berjumlah 439,700 orang.

TVET SEBAGAI SOLUSI JANGKA PANJANG MENGATASI ISU PENGANGGURAN BELIA

Para hadirin sekalian,

16. Menyedari akan perkara ini, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah proaktif dengan menyediakan fokus penyelesaian jangka panjang melalui aliran TVET.

17. Dua bulan lalu, YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah melancarkan Dasar TVET Negara 2030 yang akan memberi hala tuju dan gerak kerja ke arah menyelesaikan isu ketidaksepadanan atau *mismatch*

antara pendidikan dan pekerjaan individu.

18. Dengan strategi yang tepat, aliran TVET ini akan dapat memberikan kemahiran praktikal yang lebih spesifik dan diperlukan dalam industri selain dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan yang majoritinya adalah dalam kalangan belia dan dalam masa yang sama akan mengurangkan kadar pengangguran mereka.

19. Selain dari inisiatif TVET, Kerajaan juga tidak pernah meminggirkan segmen rakyat yang terpenting ini dalam Belanjawan. Pada Belanjawan 2024 yang lalu, Kerajaan MADANI

telah menyediakan pelbagai peruntukan khas kepada warga belia melalui pelbagai inisiatif yang dihadapi seperti pengangguran dan tekanan kos sara hidup.

20. Antaranya adalah kenaikan Sumbangan Tunai Rahmah bagi golongan belia dinaikkan lantainya dari RM 350.00 kepada RM 500.00; ganjaran sebanyak RM 500.00 kepada golongan belia yang berjaya melakukan aktiviti kesukarelawananan

dengan badan yang diiktiraf oleh kerajaan; RM 20 juta untuk program Rakan Muda; RM 30 juta untuk mempromosikan Malaysia sebagai hab pembangunan industri e-sukan; dan banyak lagi.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

21. Insya-Allah pada hari ini, saya ingin mendengar sendiri beberapa usul yang akan dibangkitkan oleh para

perwakilan dan saya berharap agar agensi-agensi kerajaan yang ada bersedia untuk memberikan jawapan terus kepada perwakilan belia.

22. Semoga majlis ini membawa manfaat yang besar dan menjadi titik persefahaman kepada usaha-usaha untuk menangani isu-isu belia di Wilayah Persekutuan.

23. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Perunidngan Belia Negara (MPBN) Peringkat Wilayah Persekutuan.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Terima kasih.